Utusan Borneo: 04.11.2026

Pemuda curi kayu belian jambatan didenda RM3,000

SIBU: Seorang pemuda dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam kerana mencuri kayu belian untuk membina jambatan di sebuah kebun di Sungai Assan.

Tertuduh, Steven Padi, 25, dijatuhi hukuman itu setelah dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan di hadapan Majistret Romario Jonoi.

Jika sabit dengan kesalahan, Seksyen 379 memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut pertuduhan, Steven dituduh mencuri tiga keping papan belian dan sebatang belian dari sebuah kebun di Sungai Assan antara 12 Oktober 2026, jam lebih kurang 12 tengah malam dan 18 Oktober 2026, jam lebih kurang 1 tengah hari.

Berdasarkan fakta kes, pada 18 Oktober 2026, jam lebih kurang 1 tengah hari, pengadu mendapati kayu belian untuk membina jambatan menuju ke kebunnya di Sungai Assan telah hilang, dengan kerugiaan dianggarkan sebanyak RM400.

Pengadu kemudian membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan seorang lelaki iaitu tertuduh pada 29 Oktober 2026 bagi membantu siasatan. Siasatan membawa kepada penemuan semula kayu belian yang dicuri itu di sebuah rumah panjang di sini.